

03/04/1997

Barisan kecewa sikap Nik Aziz

KOTA BHARU, Rabu - Barisan Nasional (BN) Kelantan kecewa dengan sikap Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana enggan mengambil bahagian sebagai salah seorang ahli panel forum mengenai penganugerahan antarabangsa Raja Malik Faisal kepada Perdana Menteri, di sini, malam esok.

Ketua Penerangan BN Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak, berkata Nik Aziz sepatutnya menghadiri forum di Dewan Perkumpulan Perempuan Kelantan (PPK) itu atas nama perjuangan Islam tanpa mengira fahaman politik.

Menurutnya, Menteri Besar tidak sepatutnya memberi alasan kononnya forum itu hanya membincangkan soal peribadi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai rakyat Malaysia, setiap orang dan umat Islam perlu bangga kerana pemimpin negara mendapat anugerah itu yang sangat besar ertinya daripada kerajaan Arab Saudi," katanya.

(END)